

Versi: 1.0

# 2026

Disediakan oleh: Jawatankuasa OACP YAWAS



**YAWAS**<sup>®</sup>  
yayasan warisan anak selangor

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

### 2026-2030

YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR



Disokong oleh:



[www.yawas.com.my](http://www.yawas.com.my)



03-5481 8800



Aras 5, Kompleks Generasi Muda & Sukan Negeri Selangor, Jalan Platinum 7/52, Persiaran Kayangan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor

# UCAPAN PENGGERUSI YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Integriti,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) berjaya membangunkan dan menerbitkan Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) YAWAS 2026-2030. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga YAWAS serta Jawatankuasa Kerja Pelan Antirasuah Organisasi (JKOACP) atas usaha gigih dalam merealisasikan penerbitan penting ini.

Pembangunan OACP YAWAS merupakan satu langkah proaktif dan strategik dalam memperkukuhkan sistem tadbir urus, integriti dan akauntabiliti organisasi. Pelan ini digubal dengan bimbingan Jabatan Tadbir Urus dan Integriti (JIG), Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI], berpaksikan kepada Daftar Risiko Rasuah (CRM) YAWAS serta mengambil kira dapatan laporan audit dan tatatertib sebagai asas dalam merangka strategi dan pelan tindakan yang berkesan.



Saya berharap agar pelan ini bukan sekadar menjadi dokumen rujukan, tetapi dijadikan panduan dan amalan berterusan oleh semua warga YAWAS dalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, telus dan beretika. Hanya dengan mengamalkan budaya integriti yang kukuh, YAWAS akan terus diyakini sebagai institusi yang berwibawa dan berperanan penting dalam memperkasa kebajikan rakyat Negeri Selangor.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada YAWAS atas penerbitan buku ini. Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang lebih berintegriti dan berakauntabiliti, serta menjadi contoh teladan kepada organisasi lain di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'AMIRUDIN BIN SHARI'.

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI  
YAB Dato' Menteri Besar Selangor  
merangkap Penggerusi Yayasan Warisan Anak Selangor

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Salam sejahtera dan Salam Integriti.

Sebagai sebuah badan awam yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pelaksanaan program kebajikan rakyat Negeri Selangor, YAWAS sentiasa komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan penuh integriti, telus dan berakauntabiliti.

Selaras dengan aspirasi tersebut, kami mensasarkan “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah (Zero Tolerance Towards Corruption)” dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan YAWAS. Bagi memperkukuh usaha ini, Jawatankuasa Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) YAWAS telah ditubuhkan pada tahun 2023, dengan tanggungjawab membangun, merancang dan memantau pelaksanaan segala polisi serta mekanisme berkaitan integriti dan pencegahan rasuah. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kita untuk mewujudkan persekitaran kerja yang telus, berintegriti dan bebas daripada sebarang salah laku.

OACP YAWAS 2026–2030, yang dibangunkan untuk tempoh lima tahun ini, merupakan manifestasi komitmen warga kerja YAWAS dalam mendukung aspirasi dan agenda nasional kerajaan, khususnya dalam membanteras gejala rasuah dan pelanggaran integriti. Sesungguhnya, integriti merupakan asas penting yang perlu tertanam dalam diri setiap penjawat awam dan seluruh warga organisasi.

Pelan ini telah dibangunkan secara holistik dan menyeluruh, dengan mengambil kira cabaran semasa serta jangkaan masa hadapan. Ia mengandungi pelbagai inisiatif strategik yang bertujuan untuk menangani isu kelemahan tadbir urus, integriti dan risiko rasuah dalam organisasi, sekaligus memastikan pembangunan YAWAS kekal lestari, berdaya tahan dan bebas rasuah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan dan pembangunan OACP YAWAS 2026–2030.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga YAWAS agar menghayati, memahami dan melaksanakan pelan ini dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Semoga pelan ini menjadi panduan dan rujukan penting dalam usaha kita bersama menjadikan YAWAS sebagai sebuah organisasi yang berintegriti tinggi, diyakini dan disegani.

Sekian, terima kasih.

**GAN PEI NEI**  
Ketua Pegawai Eksekutif



# UCAPAN PENGERUSI JAWATANKUASA OACP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Integriti,

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama melancarkan Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) YAWAS 2026-2030.

Sebagai Jawatankuasa OACP, kami telah meneliti dan merangka langkah-langkah strategik yang bersifat praktikal serta berfokus kepada isu-isu utama yang berpotensi memberi kesan kepada pengurusan YAWAS. Sebanyak 21 tindakan strategik telah dikenal pasti, dengan tumpuan khusus kepada lima (5) bidang keutamaan utama:

1. Integriti;
2. Tadbir urus;
3. Pengurusan Program;
4. Kewangan; dan
5. Perolehan.

Kesemua tindakan ini bukan sahaja bertujuan memperkukuh ketelusan, tetapi juga memastikan setiap inisiatif dapat dilaksanakan secara teratur, dipantau keberkesanannya, dan ditambah baik mengikut keperluan semasa.

Saya yakin kejayaan pelaksanaan OACP ini memerlukan komitmen dan penglibatan menyeluruh daripada seluruh warga YAWAS, disokong dengan kerjasama erat antara jabatan serta pihak berkepentingan. Justeru, pelaksanaan secara konsisten dan pemantauan berkala amatlah penting bagi memastikan keberhasilan pelan ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan OACP ini. Semoga pelan ini benar-benar menjadi pemacu kepada YAWAS untuk terus berdaya saing, telus, serta sentiasa diyakini masyarakat awam.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**S.RODIYAH BINTI NASERAN**  
Ketua Divisyen Operasi  
merangkap Pengerusi JK OACP YAWAS



# TERMINOLOGI & SINGKATAN

---

- (1) **OACP** - PELAN TINDAKAN ANTIRASUAH ORGANISASI
- (2) **YAWAS** - YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR
- (3) **NACS** - STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL
- (4) **ALPA** - AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
- (5) **JKPSM** - JABATAN KEWANGAN, PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
- (6) **MFRS** - "MALAYSIAN FINANCIAL REPORTING STANDARDS"
- (7) **JPD** - JABATAN PENGURUSAN DATA
- (8) **JTM** - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- (9) **JKSK** - JABATAN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN KELESTARIAN
- (10) **JPP** - JABATAN PENGURUSAN PROGRAM

# ISI KANDUNGAN

## Bahagian 1

### PENGENALAN

◆	Profil Korporat YAWAS	2
◆	Visi & Misi YAWAS	3
◆	Struktur Korporat- ALPA YAWAS	4
◆	Struktur Pengurusan YAWAS	5

## Bahagian 2

### PENGENALAN OACP

7	Amanat Perdana Menteri	◆
8	Malaysia Melangkah Ke hadapan	◆
9	Prinsip Umum & Keutamaan	◆
10	Kerangka Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional	◆
11	Sasaran Menjelang Tahun 2028	◆
12	Komitmen & Persepsi Antarabangsa	◆

## Bahagian 3

### OACP YAWAS

◆	Pembangunan OACP YAWAS	14
◆	Garis Masa Pembangunan OACP YAWAS	15
◆	Jawatankuasa OACP YAWAS	16
◆	Kerangka OACP YAWAS	17
◆	Bidang Keutamaan	18
◆	Bidang Strategi	19
◆	Keutamaan Strategi dan Pelan Tindakan	20 - 27
◆	Mekanisma Pelaksanaan OACP	28
◆	Penilaian Pelaksanaan OACP	29
◆	Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP	30
◆	Mekanisma Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	31

## Bahagian 4

### PENUTUP

33	Kesimpulan OACP YAWAS	◆
34	Penghargaan YAWAS	◆
36	Sumber Rujukan	◆

2026-2030

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

## BAHAGIAN-1 PENGENALAN YAWAS



# PROFIL KORPORAT

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

---

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) merupakan syarikat dibawah seliaan Menteri Besar (PEMERBADANAN). YAWAS telah ditubuhkan pada 05 Februari 2009 dibawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Dan kini telah dijajarkan dibawah Program Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

YAWAS telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kebajikan dan pembangunan sosial yang disasarkan kepada rakyat Negeri Selangor, khususnya yang melibatkan kanak-kanak, pendidikan awal, serta bantuan kebajikan. Antara program utama YAWAS adalah seperti Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Skim Mesra (Baucar), Skim Asuhan Anaku Pintar (Asuh Pintar), Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS), Iltizam Anak Selangor (ANAS), Iltizam Penjagaan Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK) dan yang terbaru adalah Khairat Darul Ehsan (KDE).



Gambar: Lawatan penanda aras YAWAS ke Victoria State Melbourne, Australia bagi kerjasama bidang pendidikan awal kanak-kanak.

---

# VISI & MISI

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Berdasarkan Perkara 3 dalam “*Memorandum and Articles of Association (M&A)*”, penubuhan YAWAS adalah untuk mewujudkan, menganjurkan, mentadbir dan menyelenggara suatu dana untuk digunakan semata-mata bagi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008.

Penetapan tarikh 1 Januari 2008 ini adalah suatu titik permulaan pada penubuhan Tabung Warisan Anak Selangor yang merupakan salah satu program di dalam Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang diilhamkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 2008.

### Visi

Yayasan tersohor dalam pengurusan kebajikan anak-anak Selangor

### Misi

- Warga kerja yang berwibawa, profesional dan kompeten
- Memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan
- Pengurusan dana yang telus dan berintegriti
- Kecemerlangan kualiti operasi yang berterusan

# STRUKTUR KORPORAT YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

## AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAWAS



**YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**

YAB Dato' Menteri Besar Selangor  
merangkap Pengerusi Yayasan Warisan Anak Selangor



**Y.BHG PUAN SITI KHAMNAH BT HASHIM**

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAWAS



**Y.BHG DATO' IDRIS BIN MD TAHIR**

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAWAS

# STRUKTUR PENGURUSAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

## PENGURUSAN YAWAS



**GAN PEI NEI**

Ketua Pegawai Eksekutif

## DIVISIYEN OPERASI



**S.RODIYAH BINTI  
NASERAN**

Ketua Divisyen / Ketua Jabatan  
Kewangan, Pentadbiran & Sumber  
Manusia

## DIVISIYEN STRATEGIK



**GAN PEI NEI**

Ketua Pegawai Eksekutif /  
Ketua Divisyen

**NUR AZIZAH BINTI  
MD SALLEH**

Ketua Jabatan  
Pengurusan Data



**NESARAJA  
A/L ANANTHAN**

Ketua Jabatan  
Pengurusan Program



**NURUL FATIHA BINTI  
MOAHMAD JOHA**

Ketua Jabatan  
Teknologi Maklumat



**SHARIZAN BINTI  
MOHD SHARIFF**

Ketua Jabatan  
Komunikasi Strategik & Kelestarian

2026-2030

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

## BAHAGIAN-2 PENGENALAN OACP



# AMANAT KEPIMPINAN PERDANA MENTERI NACS 2024-2028

Masa depan negara bergantung pada sejauh mana kita berjaya membanteras rasuah. Seperti barah, rasuah merebak secara senyap dan bahaya, sehingga menggadai masa depan bersama rakyat Malaysia semata-mata untuk memenuhi nafsu serakah mereka yang segelintir. Jika dibiarkan berterusan, rasuah akan menghakis keyakinan rakyat terhadap Kerajaan, memburukkan lagi ketidakadilan sosial, serta menghadkan peluang ekonomi untuk semua.


Dalam perjuangan menentang rasuah ini, konsep MADANI menjadi panduan utama kita. Berlandas pada nilai-nilai kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat-menghormati, keyakinan, dan ihsan, MADANI menyediakan rangka kerja beretika yang akan memandu proses membuat keputusan yang berpaksi pada ketelusan dan kebertanggungjawaban Kerajaan serta menghindari pembaziran dan ketirisan.

Atas semangat inilah Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) digubal. NACS menggambarkan keyakinan dan komitmen bersama Kerajaan ke arah menghapuskan segala bentuk rasuah melalui strategi terperinci yang telah mengambil kira input dan maklum balas yang komprehensif daripada semua pihak berkepentingan.

Sasaran yang jelas telah ditetapkan – untuk Malaysia berada dalam kalangan 25 negara teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dalam tempoh 10 tahun akan datang. Justeru, rasuah yang berakar umbi, individu yang terlibat, dan kepentingan peribadi harus dibanteras bagi menjayakan usaha nasional ini.

Persekitaran sifar toleransi dan tiada kompromi terhadap rasuah mesti diwujudkan. Keadilan bukan sahaja wajib ditegakkan tetapi mesti juga dilihat dilaksanakan dalam melawan rasuah.

Pemimpin dalam sektor awam dan swasta harus terlebih dahulu menunjukkan teladan yang baik sebelum meraih keyakinan yang diperlukan untuk menggerakkan seluruh masyarakat bersama-sama menghapuskan rasuah di semua peringkat. Kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat, dan rakyat pula sedang memerhati dengan tekun. Pada bahu Kerajaanlah terpikul tanggungjawab untuk membuktikan bahawa strategi ini bukanlah retorik semata-mata.



**YANG AMAT BERTHORMAT  
DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**  
Perdana Menteri Malaysia

# MALAYSIA MELANGKAH KEHADAPAN NACS 2024-2028

Kerajaan Malaysia memahami kepentingan untuk menangani rasuah secara menyeluruh, serta menyedari kesan buruknya terhadap integriti institusi Kerajaan dan kebajikan rakyat. Dengan iltizam teguh untuk membanteras rasuah, Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) telah menetapkan matlamat nasional bagi mencapai visi menjadi sebuah negara bebas rasuah dan makmur sejajar dengan aspirasi nasional Kerajaan iaitu Membangun Malaysia MADANI.

NACS akan menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan pada tahun 2019. Ini memperlihatkan Malaysia sentiasa konsisten merangka strategi dan tindakan pembanteras rasuah. Untuk memastikan cakupan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) yang holistik serta memenuhi aspirasi masyarakat, usaha bersepadu diarahkan untuk meningkatkan ketelusan, mengukuhkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban di semua sektor di Malaysia, membendung salah guna kuasa, menghapuskan campur tangan politik dan mereka yang berpengaruh, membanteras nepotisme dan kronisme, serta mengurangkan penyelewengan serta salah urus.

Semua strategi ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan integriti Kerajaan, sekali gus meningkatkan reputasi dan persepsi Malaysia di mata dunia.



**YANG AMAT BERTHORMAT**  
**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**  
Perdana Menteri Malaysia

“


MADANI bermaksud: “Maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan Masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk Masyarakat dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan, manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.”

”

# PRINSIP UMUM DAN KEUTAMAAN STRATEGIK UNTUK MALAYSIA

Melihat pada sifat rasuah yang beragam dan kelazimannya di serata dunia, jelas bahawa rasuah wujud mengikut konteks yang berbeza, tetapi setiap satunya berkongsi ciri-ciri yang sama. Sama ada dalam bentuk sogokan, konflik kepentingan, penyelewengan, salah guna kuasa, menjual nama atau pengaruh, nepotisme, atau kecurangan lain yang seumpamanya, ada persamaan tertentu pada punca-punca serta implikasinya.

Bagaimanapun, skala rasuah dan akibatnya jelas berbeza-beza mengikut dimensi masyarakat, ekonomi, dan politik. Dengan memahami faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada contoh-contoh rasuah ini, seperti mengejar kekayaan dan kuasa, lebih mudah untuk mengenali jenis-jenis rasuah, isu-isu integriti, serta cabaran tatakelola. Pemahaman ini membantu untuk mengenal pasti punca rasuah, serta memberi panduan untuk menggubal langkah-langkah sesuai bukan hanya untuk menangani mengapa rasuah berlaku, tetapi juga mencegahnya daripada berulang.




# KERANGKA STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL

Dengan pemeriksaan teliti, analisis data yang ketat, penelitian menyeluruh ke atas pengalaman lampau, dan mengumpulkan pandangan daripada pelbagai pihak, kelemahan dapat diatasi secara sistematik. Dengan mensintesis maklumat yang lengkap, Kerajaan dan pemegang taruh yang lain dapat mengenal pasti bidang-bidang berpotensi yang terdedah kepada rasuah.

Proses sebegini penting dalam mengatur strategi pencegahan rasuah yang bersasar, dan melaksanakan langkah pencegahan yang tepat. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang masalah dan akar permasalahannya, suatu strategi yang komprehensif boleh dirancang untuk menangani rasuah hingga ke akar umbinya.

Strategi ini merangkumi langkah-langkah yang boleh diambil tindakan oleh pemegang taruh yang berkenaan untuk membanteras rasuah di organisasi masing-masing atau bidang yang terkesan, seperti yang digariskan dalam rangka kerja antirasuah organisasi itu sendiri. Membanteras rasuah pada peringkat akar umbi adalah mustahak kerana ia merupakan gejala isuisu sistemik, yang lari daripada norma dan nilai masyarakat. Dengan menangani punca rasuah, norma masyarakat boleh diolah semula ke arah nilai beretika, dan memastikan sistem tatakelola berjalan selari dengan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban.



# SASARAN MENJELANG TAHUN 2028

Nota: Petunjuk Governans Sedunia (WGI) menggunakan kedudukan persentil untuk melaporkan prestasi negara dalam tatakelola. Kedudukan persentil dalam kalangan negara berjalut dari 0 (paling rendah) sehingga 100 (paling tinggi). Sebagai contoh, Malaysia mencatatkan kedudukan persentil 62 pada 2022. Ia bermakna Malaysia hanya lebih baik daripada 62% negara lain yang dibandingkan. Penerangan penunjuk 1 hingga 3 WGI adalah seperti berikut:

**Kedaulatan Undang-Undang:**

Mencerminkan persepsi sejauh mana ejen mempunyai keyakinan dan mematuhi peraturan masyarakat, dan terutamanya penguatkuasaan kontrak, hak harta, polis, dan mahkamah, serta kemungkinan jenayah dan keganasan.


**Keberkesanan Kerajaan:**

Mencerminkan persepsi terhadap kualiti pelayanan masyarakat, kualiti perkhidmatan awam dan tahap kebebasannya daripada tekanan politik, kualiti perumusan dasar dan pelaksanaan, serta kewibawaan komitmen Kerajaan terhadap dasar berkenaan.

**Cengkaman Rasuah:**

Mencerminkan persepsi sejauh mana kuasa awam digunakan untuk kepentingan peribadi, termasuk rasuah kecil dan besar, serta “penguasaan” ke atas negara oleh elit dan kepentingan peribadi.

Unjuran yang dibuat menjelang 2028 adalah berdasarkan pola sasaran yang ditetapkan untuk CPI bawah Rancangan Malaysia ke-12 dan Malaysia MADANI.



# KOMITMEN & PERSEPSI ANTARABANGSA

---

Rasuah sudah menjadi masalah yang berteluasa di serata dunia. Ia didalangi perbezaan undang-undang antara negara, cara sektor kewangan beroperasi, dan kepesatan perkembangan teknologi. Ia merebak dengan mudah, adakalanya hanya dengan satu klik di hujung jari. Dalam sepuluh tahun terakhir, seiring dengan pertumbuhan ekonomi, rasuah juga meningkat. Ia sering berbaur dengan jenayah lain seperti jenayah terancang, penipuan, keganasan, pengubahan wang haram, dan pemerdagangan orang. Perasuah beroperasi merentas sempadan, sehingga menjejaskan pelbagai urusan perniagaan.

Untuk memerangi rasuah dengan berkesan, usaha-usaha sebelum ini dan keberkesanannya perlu dinilai semula. Mencegah rasuah memerlukan bukan sahaja keazaman politik, kerangka perundangan yang tegas, tatacara yang telus, dan kesedaran masyarakat yang tinggi di setiap bidang, tetapi juga menuntut kolaborasi dan kerjasama antarabangsa. Kaedah baru yang menyeluruh penting untuk membendung gelombang rasuah pada skala global.

Komitmen Kerajaan untuk memerangi rasuah sejajar dengan tanggungjawabnya di bawah undang-undang antarabangsa, khususnya Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC). UNCAC yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB pada Oktober 2003 merupakan satu instrumen antirasuah antarabangsa yang menyeluruh, merangkumi langkah pencegahan dan hukuman. Peruntukan dalam UNCAC menangani rasuah rentas sempadan, pemulihan aset, serta mekanisme untuk kerjasama antara agensi dan antarabangsa. Malaysia meratifikasi konvensyen ini pada 24 September 2008, sekali gus menunjukkan dedikasinya untuk meningkatkan usaha-usaha membanteras rasuah.

UNCAC mewajibkan pengembangan dan pelaksanaan dasar antirasuah yang berkesan dan terselaras yang mendorong penglibatan masyarakat serta mencerminkan prinsip kedaulatan undang-undang, integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban. Artikel 5 dan 6 UNCAC, yang menekankan kepentingan prinsip-prinsip ini, menuntut Negara Anggota untuk membangun dan melaksanakan atau mengekalkan dasar antirasuah yang diselaraskan yang menjunjung prinsip-prinsip asas ini.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia komited untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta mematuhi prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), dengan *Global Compact PBB* dan Inisiatif Pelaporan Global (GRI) sebagai dua penyedia rangka kerja terbesarnya. Agenda antirasuah memainkan peranan penting dalam *Global Compact PBB*, dengan prinsipnya yang menekankan bahawa “perniagaan harus menentang rasuah dalam apa jua bentuk, termasuk pemerasan dan penyuaipan”.

Entiti yang menyertai *Global Compact PBB* komited bukan sahaja untuk menghindari amalan rasuah seperti penyuaipan dan peras ugut tetapi juga mengembangkan dasar dan program untuk menangani rasuah di syarikat dan seluruh rantaian bekalan. Komitmen ini selari dengan Matlamat 16 SDG, yang menekankan kepentingan menangani rasuah untuk mencapai keamanan, keadilan, dan institusi yang utuh. Tanpa usaha kukuh untuk mengurangkan rasuah, kemajuan menuju prinsip-prinsip SDG dan ESG yang lain mungkin terbantut. Hal ini menunjukkan betapa kritikalnya tindakan antirasuah dalam pembangunan mampan dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

2026-2030

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI



## BAHAGIAN-3 PEMBANGUNAN OACP YAWAS



# PEMBANGUNAN OACP YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

---




Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) merupakan langkah strategik dan proaktif sejajar dengan aspirasi Pelan Antirasuah Nasional (NACP), khususnya di bawah Inisiatif 6.2.1 yang menetapkan kewajiban kepada semua agensi awam dan syarikat berkaitan kerajaan untuk merangka pelan pencegahan rasuah yang tersendiri. Menyedari kepentingan inisiatif ini, Ketua Pegawai Eksekutif YAWAS telah mengambil langkah segera dan berwibawa dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi menerajui pembangunan *Corruption Risk Management* (CRM) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) YAWAS secara menyeluruh dan bersepadu.

Pelaksanaan OACP ini dijangka menjadi pemacu utama dalam memperkukuh sistem tadbir urus organisasi melalui pembudayaan nilai integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam setiap aspek operasi. Ia juga membolehkan YAWAS mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko rasuah secara sistematik dan bersasar, selaras dengan prinsip pencegahan yang mampan. Di samping itu, pelan ini akan menjadi dokumen dasar yang komprehensif dan berfungsi sebagai rujukan strategik dalam merancang serta melaksanakan inisiatif antirasuah di semua peringkat jabatan.


Lebih penting, OACP akan memperkukuh keyakinan masyarakat dan pihak berkepentingan terhadap komitmen YAWAS dalam menjunjung prinsip integriti dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan. Secara keseluruhannya, pelaksanaan OACP bukan sahaja menepati kehendak dasar kerajaan, malah menyumbang secara langsung ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDG),

**GAN PEI NEI**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# GARIS MASA PEMBANGUNAN OACP YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR



# JAWATANKUASA OACP YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR



# KERANGKA OACP

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### MATLAMAT

- ▶ Memastikan setiap aspek perkhidmatan yayasan disampaikan secara telus dan berintegriti.
- ▶ Meningkatkan kesedaran warga organisasi terhadap kepentingan amanah, ketelusan dan akauntabiliti.
- ▶ Memperkukuh tadbir urus dan pematuhan terhadap dasar serta undang-undang.



### VISI & MISI

#### Visi

- ▶ Menjadi organisasi yang unggul dan diyakini melalui budaya kerja berintegriti, telus dan berakauntabiliti tinggi.

#### Misi

- ▶ Membudayakan nilai-nilai integriti dan akauntabiliti dalam setiap aspek pentadbiran.
- ▶ Memastikan pematuhan penuh terhadap undang-undang, dasar dan peraturan yang berkaitan demi mengekalkan kepercayaan awam terhadap YAWAS.
- ▶ Meningkatkan keberkesanan program kebajikan melalui tadbir urus yang baik dan pemantauan berintegriti.

# BIDANG KEUTAMAAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR



# BIDANG STRATEGI

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### PELAN TINDAKAN YAWAS



STRATEGI



OBJEKTIF STRATEGI



PELAN TINDAKAN



# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### BIDANG KEUTAMAAN 1: INTEGRITI

<b>STRATEGI 1:</b>	Memperkuh budaya integriti melalui dasar dan tatakelakuan jelas
<b>OBJEKTIF STRATEGI 1.1:</b>	Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan bebas daripada gangguan seksual dan salah laku integriti

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT1</b>	Mewujudkan dan menguatkuasakan Polisi Anti-Gangguan Seksual selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022)	JKPSM	2026
<b>PT2</b>	Melaksanakan kempen kesedaran & latihan etika tahunan ( <i>role-play, e-learning, ceramah</i> )	JKPSM	2026 - 2030

<b>STRATEGI 1:</b>	Memperkuh budaya integriti melalui dasar dan tatakelakuan jelas
<b>OBJEKTIF STRATEGI 1.2:</b>	Memantapkan disiplin kerja melalui nilai integriti, pematuhan SOP & kawalan pemantauan yang berkesan

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT1</b>	Penguatkuasaan notis peringatan automatik kepada kakitangan jika berlaku ketidakpatuhan	JKPSM	2026
<b>PT2</b>	Latihan integriti & taklimat SOP Sumber Manusia tahunan	JKPSM	2026 - 2030

# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### BIDANG KEUTAMAAN 1: INTEGRITI

**STRATEGI 1:**

Memperkukuh budaya integriti melalui dasar dan tatakelakuan jelas

**OBJEKTIF STRATEGI 1.2:**

Memantapkan disiplin kerja melalui nilai integriti, pematuhan SOP & kawalan pemantauan yang berkesan

**PELAN TINDAKAN**

**PELAKSANA**

**TEMPOH MASA**



Penguatkuasaan tindakan tatatertib berperingkat (peringatan, amaran bertulis, tindakan disiplin)

JKPSM

2026 - 2030

# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### BIDANG KEUTAMAAN 2: TADBIR URUS

**STRATEGI 2:**

Mewujudkan tadbir urus yang berstruktur, jelas dan telus

**OBJEKTIF STRATEGI 2.1:**

Mewujudkan sistem kawalan dalaman melalui SOP dan pematuhan piawaian tadbir urus

**PELAN TINDAKAN**

**PELAKSANA**

**TEMPOH MASA**



Mewujudkan SOP Pengurusan Domain & sistem ICT

JTM

2026 - 2027

**STRATEGI 2:**

Mewujudkan tadbir urus yang berstruktur, jelas dan telus

**OBJEKTIF STRATEGI 2.2:**

Memperkuh sistem kawalan dalaman melalui SOP dan pematuhan piawaian tadbir urus

**PELAN TINDAKAN**

**PELAKSANA**

**TEMPOH MASA**



Melaksanakan pemantauan terperinci secara berkala terhadap pengguna yang akses beserta kelulusan yang diterima

JTM

2026 - 2030



Penetapan pengasingan tugas (*segregation of duties*) dalam pembangunan & kelulusan sistem

JTM

2026 - 2030



Menguatkan kawalan dalaman melalui mekanisme semakan berkala & pemantauan pematuhan SOP & Polisi kerja setiap 3 tahun

PENGURUSAN

2026 - 2030

# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR


### BIDANG KEUTAMAAN 2: TADBIR URUS

**STRATEGI 2:**

Mewujudkan tadbir urus yang berstruktur, jelas dan telus

**OBJEKTIF STRATEGI 2.3:**

Memastikan tadbir urus berintegriti dengan kawalan sistem, semak imbangan kelulusan dan pemantauan pengurusan berterusan



# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PROGRAM

**STRATEGI 3:**

Memperkuh pengurusan program dan komunikasi YAWAS secara telus, bersepadu dan berkesan melalui pemantauan, penilaian serta promosi strategik pelbagai platform.

**OBJEKTIF STRATEGI 3.1:**

Memantapkan keberkesanan komunikasi dan promosi program melalui penyaluran strategik antara jabatan, perancangan komunikasi yang komprehensif, serta kepelbagaian platform media bagi meningkatkan capaian, keterlihatan, dan impak kepada masyarakat sasaran



# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PROGRAM

**STRATEGI 3:**

Memperkukuh pengurusan program dan komunikasi YAWAS secara telus, bersepadu dan berkesan melalui pemantauan, penilaian serta promosi strategik pelbagai platform

**OBJEKTIF STRATEGI 3.2:**

Memperkukuh keberkesanan dan ketelusan pengurusan program YAWAS melalui pemantauan bajet yang berterusan, kajian keberkesanan program, penilaian pasca pelaksanaan, serta penyelarasan data yang lebih ketat dan bersepadu

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT1</b>	Memperketat kawalan dalaman dan penyelarasan data melalui semakan berkala & integrasi sistem	JPD & JPP (kerjasama dengan JTM)	2026 - 2030
<b>PT2</b>	Menyediakan laporan prestasi penggunaan bajet setiap suku tahun untuk pemantauan pengurusan	JKSK & JPP	2026 - 2030
<b>PT3</b>	Memastikan semua program yang dilaksanakan mempunyai laporan penilaian <i>post-mortem</i>	JPP	2026 - 2030

# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### BIDANG KEUTAMAAN 4: KEWANGAN

<b>STRATEGI 4:</b>	Memperkasakan ketelusan dalam pengurusan kewangan
<b>OBJEKTIF STRATEGI 4.1:</b>	Memperkukuhkan kawalan dalaman dan pematuhan SOP perakaunan berdasarkan piawaian MFRS, demi mengelakkan salah nyata kewangan yang boleh menjejaskan integriti laporan kewangan



# KEUTAMAAN STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### BIDANG KEUTAMAAN 5: PEROLEHAN

**STRATEGI 5:**

Memastikan ketelusan dalam pengurusan perolehan syarikat

**OBJEKTIF STRATEGI 5.1:**

Memperkukuhkan kawalan dalaman dalam proses perolehan dengan meningkatkan ketelusan proses, pematuhan kod etika dan pemantauan bebas bagi mengelakkan ruang penyelewengan



# MEKANISMA PELAKSANAAN OACP YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah YAWAS dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Jabatan Kewangan, Pentadbiran dan Sumber Manusia, melalui Unit Sumber Manusia bertindak sebagai sekretariat penyelaras Pelan Antirasuah (OACP).

Jawatankuasa OACP YAWAS ditubuhkan adalah selaras dengan Arahan Y.A.B. Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2018, Siri 2.1 Tahun 2019 – Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Jawatankuasa ini terdiri daripada lima (5) Jabatan Utama YAWAS iaitu dibarisi oleh Pegawai Perhubungan Integriti (ILO) Jabatan dan Ketua Jabatan sebagai Penasihat Integriti Jabatan.

Jawatankuasa telah memberi tumpuan kepada tugas-tugas penilaian risiko rasuah kepada aspek-aspek kritikal seperti:



# PENILAIAN PELAKSANAAN OACP YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Pelan Tindakan dan Inisiatif OACP dinilai sekali pada setiap hujung tahun. Namun demikian, penilaian ini adalah tertakluk kepada keupayaan Jawatankuasa OACP dan Pengurusan YAWAS dalam melaksanakan inisiatif yang telah dirancang, berdasarkan kepada perkembangan semasa yang dibentangkan dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa OACP.

Menerusi laporan ini juga, pelaksana boleh mengemukakan sebarang masalah dan halangan yang dihadapi untuk dibincangkan bagi tujuan penilaian semula serta mendapatkan persetujuan di peringkat Jawatankuasa OACP.

Penilaian keseluruhan pencapaian pelan tindakan atau inisiatif hendaklah mengambil kira pencapaian terhadap matlamat berikut:

- 1 PEMANTAPAN BUDAYA**  
Pemantapan budaya kerja berintegriti sebagai teras dalam memperkasa tadbir urus, memperkukuh integriti, dan memerangi rasuah secara tuntas dalam kalangan warga kerja YAWAS.  

- PELAKSANAAN TUGAS**  
Pelaksanaan tugas yang efektif, efisien, cekap dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan.  
**2**  

- 3 SALURAN KOMUNIKASI**  
Saluran komunikasi dalaman dan luaran yang berkesan dan efisien.  


# PENYEDIAAN LAPORAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN OACP

Penyediaan laporan pencapaian pelaksanaan OACP dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu:

## PELAPORAN



**JAWATANKUASA OACP PERLU MENYEDIAKAN LAPORAN PERKEMBANGAN DALAM PELAKSANAAN OACP KEPADA PENGURUSAN DUA (2) KALI SETAHUN DENGAN MENGAMBIL TINDAKAN BERIKUT:**

- Menyediakan laporan tahap pelaksanaan mengikut tempoh ditetapkan;
- Mengemaskini dan memantau inisiatif yang dilaksanakan di peringkat Jabatan.

## PEMBENTANGAN



**PEMBENTANGAN LAPORAN PERKEMBANGAN DALAM PELAKSANAAN OACP:**

- Laporan ringkasan diselaraskan mengikut peringkat pelaksana pada setiap mesyuarat OACP mengikut bidang keutamaan;
- Membentangkan laporan perkembangan dalam Mesyuarat Pengurusan YAWAS, lain-lain mesyuarat terlibat dan seterusnya disahkan dalam Mesyuarat ALPA YAWAS.

# MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR



2026-2030

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

  
karnival kanak-kanak



## BAHAGIAN-4

### PENUTUP



# KESIMPULAN OACP YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

---

Setiap organisasi, termasuk jabatan atau agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), mahupun sektor swasta, tidak terlepas daripada risiko ancaman rasuah dan penyelewengan. Ancaman ini bukan sahaja boleh menjejaskan reputasi organisasi, malah boleh mengganggu keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan melemahkan kepercayaan awam. Oleh itu, usaha membanteras rasuah perlu dijadikan keutamaan dalam setiap lapisan pengurusan organisasi. Ini boleh dicapai melalui pelaksanaan program kesedaran berterusan, pemerkasaan kawalan dalaman serta penguatkuasaan tindakan tegas terhadap mana-mana warga kerja yang terlibat dalam salah laku tata tertib dan jenayah rasuah.

Selaras dengan hasrat tersebut, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) YAWAS telah dibangunkan sebagai satu kerangka strategik yang komprehensif bagi memperkukuh nilai integriti dan meningkatkan tahap tadbir urus yang cemerlang dalam organisasi. OACP ini dirangka untuk tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun 2026 hingga 2030, dan menggariskan hala tuju serta pendekatan sistematik dalam menangani isu integriti, ketirisan, salah guna kuasa dan rasuah. Berdasarkan penilaian risiko semasa yang telah dijalankan secara menyeluruh, sebanyak 21 pelan tindakan telah dikenal pasti sebagai keutamaan bagi memastikan kelemahan dalam aspek integriti dan tadbir urus dapat ditangani secara berfokus dan berkesan.

Pelaksanaan OACP YAWAS akan dipantau secara berterusan oleh jawatankuasa yang dilantik dan akan dinilai setiap tahun bagi memastikan inisiatif yang dirancang mencapai matlamat yang ditetapkan. Penilaian tahunan ini juga penting bagi memastikan pelan tindakan sentiasa selari dengan perkembangan semasa serta boleh disesuaikan mengikut cabaran dan keperluan terkini organisasi. Komitmen menyeluruh daripada semua peringkat warga kerja YAWAS amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan OACP ini secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

Pembangunan OACP YAWAS 2026–2030 merupakan manifestasi komitmen berterusan YAWAS dalam menyokong aspirasi dan dasar Kerajaan seperti yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACS) 2024–2028. OACP ini bukan sahaja menegaskan peranan YAWAS dalam membudayakan integriti dan ketelusan, tetapi turut menetapkan mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian yang jelas dan teratur.

Lebih penting lagi, OACP YAWAS ini bersifat sebagai sebuah *living document* – iaitu dokumen dinamik yang akan sentiasa dikaji semula, ditambah baik dan dikemaskini mengikut kesesuaian dan kehendak semasa bagi memastikan inisiatif yang dirancang kekal relevan, efektif dan menyumbang secara langsung kepada pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan bebas rasuah.

# PENGHARGAAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diatas penglibatan semua pihak secara langsung atau tidak langsung dalam merangka pelan OACP YAWAS iaitu:

1

## JABATAN TADBIR URUS & INTEGRITI MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

- ◆ Puan Mudirah binti Muhammad Noor
- ◆ Encik Meor Mohammed Mustaqim bin Mohamed Khairi
- ◆ Encik Muhammad Aizat bin Kamarudin
- ◆ Encik Muhamad Hazwan bin Ismail

2

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

- ◆ Puan Gan Pei Nei

3

## DIVISYEN PENGURUSAN OPERASI

- ◆ Ketua / Pegawai Perhubungan Integriti Jabatan Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia
- ◆ Ketua / Pegawai Perhubungan Jabatan Teknologi Maklumat
- ◆ Ketua / Pegawai Perhubungan Integriti Jabatan Pengurusan Data

4

## DIVISYEN PENGURUSAN STRATEGIK

- ◆ Ketua / Pegawai Perhubungan Integriti Jabatan Komunikasi Strategik & Kelestarian
- ◆ Ketua / Pegawai Perhubungan Integriti Jabatan Pengurusan Program

5

## SEKRETARIAT

- ◆ Ahli Sekretariat JKOACP YAWAS

# JAWATANKUASA OACP YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR



**BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI, 14 - 15 APRIL 2025  
BERTEMPAT DI HOTEL MARDHIYYAH, SHAH ALAM, SELANGOR**

## **BARISAN HADAPAN**

Nur Azizah Md Salleh | Sharizan Mohd Shariff | S.Rodiyah Naseran | Gan Pei Nei | Mudirah Muhammad Noor | Muhammad Aizat Kamarudin | Meor Mohammed Mustaqim Mohamed Khairi

## **BARISAN BELAKANG**

Nurul Fatiha Moahamad Joha | Adnin Sakinah Itriah Mohamad Faisal | Cyek Ana Md Isa | Izzul Mohd Mustaat | Mohamad Azizul Abu Bakar | Muhammad Khafiz Asari  
Muhammad Fauzi Noordin | Mohamad Fitri Mohamed Saris | Ahmad Izzat Danial Rosli

## **TIADA DALAM GAMBAR**

Muhamad Hazwan Ismail - JIG MBI  
Nur Atiqah Shahidah Anuar Alsadat - Setiausaha JKOACP YAWAS

# SUMBER RUJUKAN

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

---

### **1 Jabatan Perdana Menteri. (2024)**

Jabatan Perdana Menteri. (2024). *Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024–2028*. Jabatan Perdana Menteri. ISBN: 978-967-16651-2-1 .

### **2 Jabatan Audit Dalaman, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). (2025)**

Jabatan Audit Dalam, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (2025). *Laporan Akhir Audit Dalaman Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS): Sistem Pengurusan Program Itizam Selangor Penyayang* (No. Laporan MBI/IA-09/23-YAWAS.PRG\_GS). Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

### **3 Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor. (2009)**

Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (2009). *Memorandum Perancangan Audit Tahun 2009: Pengauditan Pengurusan Program Skim Mesra*. Kerajaan Negeri Selangor.

### **4 Yayasan Warisan Anak Selangor. (2024, April 17)**

Yayasan Warisan Anak Selangor. (2024, April 17). *Mesyuarat penutup Pemeriksaan Audit Laporan Kewangan YAWAS Tahun Berakhir 2024*. Yayasan Warisan Anak Selangor.

### **5 Yayasan Warisan Anak Selangor. (2024 dan 2025)**

Yayasan Warisan Anak Selangor. (2024 dan 2025). *Laporan Tatatertib Kakitangan YAWAS Bagi Tahun 2024 dan 2025*. Yayasan Warisan Anak Selangor.

# SILA HUBUNGI

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

---

Yayasan Warisan Anak Selangor komited dalam menambahbaik kepada sistem penyampian program yang dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi rakyat sebagai Negeri Selangor yang berkeadilan. Justeru itu, sebarang maklumbalas dan cadangan boleh diberikan melalui saluran di bawah:



### No Telefon

03-5481 8800



### Emel

pertanyaan.yawas@gmail.com



### Laman Sesawang

[www.yawas.com.my](http://www.yawas.com.my)



### Alamat

Aras 5, Kompleks Generasi Muda & Sukan Negeri Selangor 4, Jalan Platinum 7/52, Persiaran Kayangan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor



### Media Sosial

Yayasan Warisan Anak Selangor



